

Pilih dan kemudian seret jawapan tersebut ke ruangan jawapan.

masa depan	menoreh	Sungai Ramal	dikagumi	tiga
pahlawan	kebun getah	rajin	sejarah	Pak Saidi

Novel ini menceritakan kehidupan Adnan ketika kecil. Beliau dilahirkan di sebuah kampung di _____, Selangor. Rata-rata penduduk kampung itu masih berada dalam kemiskinan. Kehidupan mereka bergantung pada sawah dan _____ yang luasnya sekadar cukup makan sahaja. Keadaan ini turut dirasakan oleh _____ dan Mak Milah, iaitu bapa dan ibu Adnan yang membesarkan _____ orang anak iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah. Adnan merupakan anak sulung Pak Saidi. Sewaktu masih kecil, Adnan merupakan anak yang _____ membantu keluarganya dan taat akan perintah orang tuanya. Walaupun usianya baru mencecahsepuluh tahun, setiap pagi Adnan akan pergi ke kebun getah untuk membantu orang tuanya _____ getah. Selain itu, dia mengerjakan sawah bendang.

Pak Saidi sebenarnya berketurunan _____. Beliau sengaja merahsiakan keturunannya kerana khuatir diburu oleh pihak penjajah. Darah kepahlawanan itulah yang mengalir dalam jiwa Adnan. Semangat patriotik yang dimiliki Pak Saidi amat tebal. Pak Saidi amat mengambil berat tentang _____ tanah air. Beliau sentiasa menekankan pentingnya orang-orang Melayu mengubah kehidupan di negara sendiri. Nasib orang Melayu terpinggir dan tidak terbela. Pak Saidi tidak mahu anak-anaknya mewarisi pekerjaannya. Pak Saidi memiliki keazaman yang tinggi terhadap _____ anak-anaknya. Pengetahuan Pak Saidi tentang sejarah tanah air _____ oleh penduduk kampung.